



اينورسيتي مليسيا فهاغ السلطان عبدالله  
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
AL-SULTAN ABDULLAH

## **PEKELILING BENDAHARI BIL. 9 TAHUN 2024**

Semua Dekan/Ketua Jabatan  
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Assalamualaikum wrt. wbt.

YH Prof. Dato /YBhg. Prof. / Prof Madya/ Tuan/ Puan,

### **GARISPANDUAN KEMUDAHAN PEMBIAYAAN BAGI PROJEK PEROLEHAN KERAJAAN DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH**

#### **1.0 TUJUAN**

Pekeliling Bendahari ini bertujuan untuk memaklumkan tentang Garis Panduan Kemudahan Pembiayaan Bagi Projek Perolehan Kerajaan di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) bagi memperkukuh aspek tatakelola dan mengurangkan kerenah birokrasi dalam pengurusan perolehan Universiti.

#### **2.0 LATAR BELAKANG**

2.1 Peraturan pengurusan kemudahan pembiayaan bagi syarikat yang berjaya tender atau sebutharga adalah berdasarkan perenggan 3.26 Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti (PKPU) Bab 3: Tatacara Perolehan UMPSA; dan

- 2.2 Pekeliling Perbendaharaan PK6: Kemudahan Pembiayaan Dalam Perolehan Kerajaan telah dikemaskini dan menetapkan Kaedah Pemfaktoran, Surat Ikatan Penyerahan Hak, Skim Pembiayaan MARA, Skim Pembiayaan SME Bank, Skim Pembiayaan Tekun termasuk Program Cakna I dan Program Cakna II yang bertujuan membantu memperkukuh kedudukan aliran tunai serta kewangan syarikat terutama bagi syarikat pembekal yang terdiri dalam kalangan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) serta kontraktor kecil (G1 – G4) yang mendapat kontrak Kerajaan.

### 3.0 GARISPANDUAN KEMUDAHAN PEMBIAYAAN BAGI PROJEK PEROLEHAN

- 3.1 Syarikat yang menerima pesanan tempatan atau menerima Surat Setuju Terima (SST) bagi kontrak bekalan atau perkhidmatan atau kerja boleh mendapatkan kemudahan pembiayaan melalui kaedah:
- (i) Pemfaktoran dengan cara membuat perjanjian dengan syarikat pemfaktor yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan dan setiap inbois yang dikemukakan hendaklah dicap pemberitahuan bahawa pesanan tempatan atau kontrak tersebut telah difaktorkan;
  - (ii) Penyerahan Hak (*Deed of Assignment*) di antara Syarikat dan bank/Credit Guarantee Corporation (CGC) dengan cara syarikat menandatangani Surat Ikatan Penyerahan Hak dengan bank/CGC untuk mendapatkan kemudahan pembiayaan sehingga satu nilai yang tidak melebihi nilai kontrak yang munasabah;
  - (iii) Memohon Skim Pembiayaan Kontrak Ekspres – SPIKE adalah kemudahan tambahan pinjaman daripada MARA;
  - (iv) Memohon Skim Pembiayaan Kontrak oleh SME Bank Berhad;
  - (v) Memohon Skim Pembiayaan Kontrak oleh Tekun Nasional (Skim Pembiayaan Kontrak-i); dan
  - (vi) Memohon Surat Ikatan Penyerah Hak (*Deed of Assignment – DOA*) melalui Skim Pembiayaan CAKNA I dan CAKNA II yang merupakan suatu skim pendanaan yang melibatkan jualan atau pemindahan hak inbois (*“invoice/ receivable sale or transfer”*) yang dikhususkan untuk

Syarikat Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) serta kontraktor kecil (G1 – G4) yang mendapat kontrak Kerajaan.

- 3.2 Syarikat hendaklah menandatangani perjanjian/Surat Ikatan Serahhak dengan Institusi Pembiaya. UMPSA adalah tidak terikat kepada kadar faedah atau syarat-syarat lain yang telah dibuat di antara pihak syarikat dan Institusi Pembiaya;
- 3.3 Syarikat hendaklah menghantar surat pemberitahuan kepada Bendahari UMPSA dengan mengemukakan Pesanan Tempatan asal dan menyalinkan perjanjian/Surat Ikatan Penyerah Hak. Pada Pesanan Tempatan asal, nama Institusi Pembiaya hendaklah dicatatkan;
- 3.4 Pegawai yang bertanggungjawab mesti memastikan kontrak berkenaan belum pernah diserahkan kepada mana-mana pihak;
- 3.5 Kuasa menandatangani akuan setuju terima urusan pembiayaan bagi pihak UMPSA adalah Bendahari UMPSA atau Pegawai Yang Diberi Kuasa di Unit Perolehan, Jabatan Bendahari. Setiap inbois yang dikemukakan oleh syarikat serta salinan asal Pesanan Tempatan hendaklah dicap memberitahu bahawa pesanan/kontrak tersebut telah dibiayai melalui skim kemudahan pembiayaan yang berkaitan;
- 3.6 Pembayaran oleh UMPSA kepada Institusi Pembiayaan adalah dianggap sebagai bayaran kepada syarikat untuk kontrak tersebut selagi ianya belum dibatalkan secara bertulis dengan persetujuan kedua-dua belah pihak (syarikat pembiaya dan syarikat); dan
- 3.7 Syarat-syarat dan peraturan dalam Pekeliling Perbendaharaan PK6 hendaklah dipatuhi termasuk Pekeliling Perbendaharaan yang dikemaskini dari semasa ke semasa.

#### 4.0 TARIKH KUAT KUASA


Pekeliling Bendahari ini adalah berkuat kuasa serta-merta.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

*“Teknologi Untuk Masyarakat”*

Saya yang menjalankan amanah,



**DATO' ZAINUDIN BIN OTHMAN**

Bendahari / Ketua Pegawai Kewangan (CFO)

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Jumaat, 27 Disember 2024.

- s.k
- Naib Canselor
  - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
  - Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi
  - Ketua Pustakawan
  - Penasihat Undang-Undang